

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
PROGRAM PENANAMAN POKOK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
– JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG
PADA HARI SABTU, 31 DISEMBER 2016, PUKUL 8:30 PAGI
DI RIMBUNAN CENDEKIA, UMP PEKAN**

SALUTASI

Yang Hormat Dato' Indera Haji Mohd Paiz Kamaruzaman

Pengarah Perhutanan Negeri Pahang;

Encik Izwan Hasli Ibrahim,

Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyGift;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Abd Hamid Majid,
Pendaftar;

Penolong-penolong Naib Canselor, Pegawai-pegawai utama,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Program Penanaman Pokok UMP – Jabatan Perhutanan Negeri Pahang pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran Yang Hormat Dato' Indera Haji Mohd Paiz Kamaruzaman, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang ke UMP Pekan sempena program ini.
3. Sesungguhnya, Universiti ini amat menghargai sokongan yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang untuk menjayakan inisiatif penghijauan UMP ke arah kampus yang sihat, sejahtera dan lestari untuk warganya.

PROGRAM PENGHIJAUAN KAMPUS

4. Tuan-tuan dan puan-puan,

Menyedari peri pentingnya kewujudan sebuah kampus yang lestari, maka program penghijauan kampus telah disenaraikan sebagai antara agenda strategik utama Universiti ini sejak tahun 2009 lagi.

5. Dalam konteks ini, Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan 2016-2020 memberikan fokus dan perhatian yang khusus terhadap pencapaian UMP dalam penarafan UI GreenMetric iaitu salah satu daripada lima sistem penarafan yang diiktiraf Kementerian Pendidikan Tinggi.

6. Sistem penarafan UI GreenMetric yang diperkenalkan oleh Universitas Indonesia sejak tahun 2010 ini mengandungi enam komponen utama penilaian iaitu *Setting and Infrastructure; Energy and Climate Change; Waste; Water; Transportation* dan *Education*. Sebagai langkah proaktif, UMP turut menambah satu lagi kriteria penilaian iaitu *Healthy Lifestyle*.

7. Justeru, program penanaman pokok pada pagi ini merupakan sebagian daripada inisiatif strategik Universiti ini bukan sahaja untuk memenuhi kriteria penilaian UI GreenMetric, tetapi lebih utama merupakan sumbangan UMP ke arah usaha penghijauan persekitaran dan pemeliharaan alam sekitar.

8. *Alhamdulillah*, tumpuan strategik dan usaha proaktif yang digerakkan oleh UMP dalam konteks ini telah menampakkan hasilnya dengan pencapaian yang membanggakan. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa dalam *ranking* UI GreenMetric yang terkini iaitu bagi tahun 2016, UMP berada pada kedudukan 58 dunia berbanding kedudukan iaitu peningkatan 131 anak tangga berbanding kedudukan 189 dunia pada tahun 2015. Untuk makluman UMP berkedudukan 58 dalam *ranking* tersebut daripada 516 buah universiti di 74 negara seluruh dunia yang dinilai.

9. Pencapaian ini mencabar pihak pengurusan UMP untuk melipatgandakan usaha-usaha berkaitan bagi memastikan program penghijauan kampus terus memberikan manfaat kepada warga kerja dan mahasiswa Universiti ini, khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesihatan mereka.

10. Untuk itu, sehingga kini, UMP telah melaksanakan lebih 30 projek dan inisiatif penghijauan yang menyaksikan penanaman pelbagai spesis tumbuhan dan pokok. Projek dan inisiatif tersebut termasuklah Rimbunan Cendekia, Arboretum Tumbuhan Nadir, Arboretum Bioaromatik, inisiatif penghijauan bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di atas tapak seluas 5.5 ekar di UMP Pekan, kerjasama UMP dan Jabatan Perhutanan bagi penanaman 929 pokok spesis hutan di atas tapak seluas 2.5 ekar dan dusun buah-buahan.

11. Suka juga saya menyebutkan di sini bahawa usaha penghijauan UMP tidak hanya terhad kepada aktiviti penanaman pokok semata-mata, tetapi turut melibatkan pengurusan air, sisa buangan, pengangkutan dan pendidikan. Untuk itu, sehingga kini UMP telah mewujudkan masing-masing sebuah pusat kompos dan kitar semula, projek penggunaan semula air sisa domestik, sudut jualan dan hadiah *preloved*, stor berpusat sisa buangan berbahaya dan sembilan buah loji rawatan kumbahan.

KOLABORASI UMP-JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

12. Tuan-tuan dan puan-puan,

Program penanaman pokok pada hari ini merupakan komitmen UMP dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang dimeterai melalui Memorandum Pesefahaman pada 21 Febuari 2016 yang lalu bagi tujuan-tujuan berikut iaitu:

- Mengadakan kerjasama bagi tujuan penghijauan kampus di mana UMP bersetuju menyediakan tapak yang bersesuaian dalam kampus untuk ditanam dengan anak pokok hutan yang dibekalkan oleh Jabatan Perhutanan;
 - Menyediakan projek-projek yang bersesuaian sebagai kajian kes akademik dan penyelidikan saintifik; dan
 - Menyediakan kemudahan latihan praktikal untuk mahasiswa dan staf UMP yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan hutan dengan kepakaran Jabatan Perhutanan.
13. Justeru, untuk program pada pagi ini, sebanyak 200 anak pokok daripada enam spesis pokok hutan akan ditanam pada hari ini iaitu masing-masing 30 anak pokok Meranti Temak Nipis, Meranti Tembaga, Merawan Meranti, Meranti Pipit, Balau pasir dan 50 anak pokok Kapur.

14. Adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan mudah-mudahan kerjasama UMP dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang ini akan terus dapat dilestarikan dan Universiti amat berterima kasih dengan kerjasama erat yang diterima daripada jabatan tersebut selama ini.

KATA PENUTUP

15. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak dari dalam dan luar UMP yang terlibat secara langsung bagi menjayakan program penanaman pokok pada pagi ini.

16. Pada masa yang sama, UMP sentiasa mengalu-alukan mana-mana agensi kerajaan, badan swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang turut berhasrat menyumbang dan mengambil bahagian dalam inisiatif penghijauan kampus ini.

17. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmateliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kekuatan dan kejayaan pada tahun 2017 yang mendatang, termasuklah keberhasilan daripada aktiviti yang kita jalankan pada pagi ini, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.